



PERMATA HIJAU

MAJALAH KELUARAN JABATAN DAERAH TEMBURONG

VOL : 2 (JAN - MEI) 2015

KELUARAN KEDUA



KELUARAN KEDUA**Penasihat :**

Yang Mulia Md Amir Hairil
bin Haji Mahmud

Penolong Pegawai Daerah Temburong

Penyunting :

Salmah anak Ampili

Sidang Pengarang :

Dk Nur Izzati binti Pg Omar

Ampuan Noorirawaty
binti Ampuan Haji Razid

Norfadilah bin Haji Jumat

Sazali bin Haji Md Salleh

Ahli-Ahli :

Haji Azmi bin Haji Suhaili

Hajah Umaimah binti Haji Mohamad

Siti Noorazalini binti Haji Bujang

Eninah binti Yusaini

Dk Kamariah binti Pg Haji Hidup

Muhd Zoolfadli bin Haji Awang

Ramlah binti Karim

Hajah Halimah binti Haji Abu Salam

Nurfaezah Nabilah binti Haji Yahya

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan cadangan
bolehlah menghubungi :-

**BAHAGIAN PERHUBUNGAN
AWAM DAN PENYELIDIKAN
JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI, BANGUNAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN,
PEKAN BANGAR, TEMBURONG
TEL : 5221266 / 265
FAKS : 5221585**

ISI KANDUNGAN

M-5.

Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Dibawah Rancangan Perumahan Negara Rataie Serta Geran-Geran Tanah Di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah Di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong	1
Lawatan YB Menteri KHEDN ke kawasan-kawasan ditimpa Banjir, 26 Januari 2015	4
Majlis Pemberiagaan reformasi memulakan Perniagaan Bagi Daerah Temburong	5
Majlis Pelancaran Khatam Al-Quran Ahli-Ahli MPMK Daerah Temburong, 3 Mac 2015	6
Lantikan Penghulu Mukim Batu Apoi	8
Lantikan Ketua Kampung Labu Estate	9
Sumbangan Derma Anak Yatim Daerah Temburong	10
Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin Bagi Daerah Temburong,	10
Majlis Pelancaran Projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah /Konsep Melayu Islam Beraja, 14 Februari 2015	11
Penyerahan Buku-Buku Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan	11
Sambutan Hari Kebangsaan Ke 31 Negara Brunei Darussalam	12
Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD yang ke-31 tahun 2015 bagi Daerah Temburong	13
Maulud Nabi S.A.W 2015	14
Ceramah Ugama Maulud Nabi Muhammad SAW tahun 1436 bagi Jabatan Daerah Temburong, 10 Januari 2015.	14
Pesta Senukoh 2015	15
Produk-Produk Perekonomian Majlis Perundingan Kampong	16

MAJLIS PENYEMPURNAAN PENGANUGERAHAN ANAK-ANAK KUNCI RUMAH DAN RUMAH TERES DIBAWAH RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA RATAIE SERTA GERAN-GERAN TANAH DI BAWAH SKIM PENGGERANAN TAPAK RUMAH DI ATAS LESEN TUMPANG SEMENTARA BAGI DAERAH TEMBURONG



Sebahagian penerima yang telah menjunjung ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS PENYEMPURNAAN PENGANUGERAHAN ANAK-ANAK KUNCI RUMAH DAN RUMAH TERES DIBAWAH RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA RATAIE SERTA GERAN-GERAN TANAH DI BAWAH SKIM PENGGERANAN TAPAK RUMAH DI ATAS LESEN TUMPANG SEMENTARA BAGI DAERAH TEMBURONG

Hari Sabtu, 23 Jamadilawal 1436 bersamaan 14 Mac 2015 merupakan satu detik bersejarah bagi Daerah Temburong dimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenaan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di bawah skim pengeranan tapak rumah di atas Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Temburong.

Majlis telah berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar. Seramai 214 orang penerima telah menjunjung ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang terdiri daripada 179 orang penerima dibawah Rancangan Perumahan Negara Rataie dan 39 orang penerima bagi Skim Pengeranan Tapak Rumah di atas Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Temburong.

Aturcara Majlis Keberangkatan telah dimuatkan dengan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Sekolah Persediaan Arab Bangar, Rumah-Rumah penerima yang terpilih dibawah rancangan Perumahan Negara Rataie dan Skim Pengeranan Tapak Rumah di atas Lesen Tumpang Sementara.



Gambar Ristaan Semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maria Mulia Paduak Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah Diatas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong



Lawatan YB Menteri KHEDN ke kawasan-kawasan ditimpa Banjir

26 Januari 2015



Rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat lawatan tinjauan ke kawasan-kawasan ditimpa banjir di Mukim Bangar dan Mukim Bokok pada 25 Januari 2015.

Turut serta ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Sri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Pengarah Bomba dan Penyelamat, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, dan Agensi-Agensi kerajaan yang berkepentingan.

Aturcara lawatan dimulakan di Bilik Gerakan, Jabatan Daerah Temburong dengan penerangan mengenai kejadian banjir oleh Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong. Lawatan diteruskan ke pusat Pos Kawalan Kejadian yang ditempatkan di Pondok yang disediakan oleh Operasi G Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pehin Menteri berserta rombongan juga membuat lawatan Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok yang telah dijadikan sebagai penempatan sementara bagi mangsa-mangsa banjir tersebut.

Kerja-kerja pembersihan rumah dan kawasan-kawasan rumah yang terjejas juga diadakan pada hari tersebut yang melibatkan anggota-anggota beruniform daripada Operasi G Jabatan Bomba dan Penyelamatan Cawangan Daerah Temburong, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei Cawangan Daerah Temburong, JAPEM, Jabatan Daerah Temburong dan para sukarelawan.

Majlis Pemberiagaan reformasi memulakan Perniagaan Bagi Daerah Temburong



Majlis telah berlangsung pada hari Isnin, 16 Februari 2015 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.


Hadir ke majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Bersama. Aturcara majlis dimulakan dengan taklimat (Akta Lesen Perniagaan 2015 – Penggal 127) oleh Yang Mulia Awang Ajmin bin Haji Meludin, Penolong Pegawai Daerah Temburong. Pegawai wakil daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memberikan taklimat 'Ease of Doing Business' dan taklimat Pengambilan Pekerja Asing juga telah disampaikan oleh wakil daripada Jabatan Buruh.

Para jemputan terdiri daripada para peniaga syarikat-syarikat swasta Pengusaha Bumiputera dan bukan Bumiputera di Daerah Temburong. Sesi soal jawab juga diadakan bagi memberikan penjelasan yang lebih padu dalam sama-sama mendokong hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mewujudkan suasana perniagaan yang 'pro-business and business friendly'.



Majlis Pelancaran Khatam Al-Quran

Ahli-Ahli MPMK Daerah Temburong, 3 Mac 2015



Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Daerah diseluruh negara telah mengadakan Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran 69 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 69 tahun bagi tahun 2015. Majlis telah diadakan pada hari Selasa, 3 Mac 2015 mulai jam 3.15 petang bertempat di masjid-masjid pilihan setiap daerah.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara di daerah masing-masing, Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pegawai/Pemangku Pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan kampung, Pegawai-Pegawai Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan-Jabatan Daerah, Pegawai-Pegawai Ugama, Bilal-Bilal, penuntut-penuntut sekolah, Ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.


Peserta Khatam pada tahun ini dibahagikan kepada Lelaki Dewasa dan Belia Lelaki seramai 69 orang, Perempuan Dewasa dan Belia Perempuan seramai 69 orang, Kanak-kanak Lelaki seramai 69 orang dan Kanak-Kanak Perempuan seramai 69 orang.



Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa beramai-ramai bagi memohon doa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarrar merintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjukNya sebelum para peserta memulakan bacaan Al-Quran dari juzuk pertama.

Disamping itu juga, majlis diadakan bagi menzahirkan rasa kesyukuran rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmatNya menjadikan Negara Brunei Darussalam dibawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Bagi Daerah Temburong pula, majlis telah diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusof, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat berserta rombongan.



Lantikan Penghulu Mukim Batu Apoi



Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Batu Apoi telah diadakan pada hari Jumaat, 20 Mac 2015 iaitu kepada Yang Mulia Awang Haji Matzin bin Haji Awang bertempat di Kampung Sungai Rupan, Jalan Selapon, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong.

Yang Dimulakan Pehin Datu Laila Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat. Turut hadir ialah Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri, Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Batu Apoi dan penduduk kampung di Mukim Batu Apoi dan sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa yang telah dipimpin oleh Yang Mulia Imam Norizam bin Zaini, Imam Masjid Kampung Batu Apoi, setelah itu ucapan alu-aluan oleh Pegawai Daerah Temburong dan diikuti ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Batu Apoi telah disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diikuti acara Bacaan Ikrar dan menandatangani Ikar selaku Penghulu Mukim Batu Apoi yang disaksikan oleh Pegawai daerah Temburong dan wakil Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perasmian papan tanda Penghulu Mukim Batu Apoi juga telah disempurnakan oleh tetamu kehormat dengan diikuti bacaan selawat dan doa selamat yang diketuai oleh Yang Mulia Imam Masjid Kampung Batu Apoi.

Yang Mulia Awang Haji Matzin bin Haji Awang berumur 63 tahun dan memegang jawatan terakhir sebagai Penolong Penasihat Ugama di Kementerian Pertahanan. Beliau merupakan penduduk asal di Mukim Batu Apoi.

Mukim Batu Apoi terletak diantara Mukim Bangar dan Mukim Labu dengan keluasan 222 kilometer (88.5 batu persegi). Keramaian penduduk ialah 1531 orang yang terdiri daripada bangsa Melayu, Murut, Iban dan Cina. Mukim Batu Apoi mempunyai 20 buah kampung dibawah tadahannya yang mempunyai 3 orang Ketua Kampung.

Lantikan Ketua Kampung Labu Estate



Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Labu Estate, Mukim Labu telah diadakan pada hari Jumaat, 23 Januari 2015 iaitu kepada Yang Mulia Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir bertempat di rumah beliau sendiri di Kampung Labu Estate, Mukim Labu, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dr Awang Haji Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Turut hadir ialah Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Awang Sunadi bin Haji Buntar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Daerah Temburong, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung, Ahli-Ahli majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Labu Estate dan sekitarnya.

Aturcara telah dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Mulia Iman Haji Kamaruzaman bin Kamis. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong dan seterusnya ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil lantikan yang telah disempurnakan oleh Yang Mulia Tetamu Kehormat Majlis dan setelah itu diadakan acara menandatangani dan bacaan Ikar selaku Ketua Kampung Labu Estate.

Yang Mulia Haji Sulaiman bin Haji Nasir berumur 51 tahun merupakan penduduk asal Kampung Labu Estate. Beliau sebelum ini telah menjawat jawatan terakhir sebagai Pegawai Waran 1, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei. Kampung Labu Estate terletak kira-kira 20 kilometer daripada Pekan Bangar. Keramaian penduduk seramai 137 orang yang terdiri daripada berbilang kaum seperti Melayu, Murut, Cina dan Dusun dimana majoritinya beragama Islam.

Sumbangan Derma Anak Yatim Daerah Temburong

Masyarakat kita memang dikenali dengan sikap perihatin serta berpemudlian dalam sama-sama memastikan keperluan anak-anak yatim di negara ini sentiasa dijaga. Pada 15 Januari 2015 sumbangan derma kepada Tabung Anak Yatim Daerah Temburong berjumlah \$20,000.00 ringgit Brunei daripada Syarikat Freme Travel telah disampaikan oleh Pengurusnya kepada Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Daerah Temburong yang juga selaku Penasihat Tabung Anak Yatim Daerah Temburong.

Sumbangan tersebut telah disampaikan semasa Majlis Pembukaan Freme Adventure Park and Rainforest Lodge bertempat Kampung Batang Duri. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku tetamu kehormat.

Freme Adventure and Rainforest Lodge adalah salah satu strategi pemasaran pakej pelancongan yang ditawarkan oleh Syarikat Freme Travel untuk menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar Negara ke Taman Negara Ulu Temburong.



Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin Bagi Daerah Temburong

Majlis Penyerahan Sijil Rumah Bantuan kepada Dayang Lindi anak Luang bertempat di Kampung Biang Baru, Mukim Amo telah diadakan pada 29 Januari 2015 oleh tetamu kehormat Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dayang Lindi anak Luang menerima sebuah rumah jenis banglo 3 bilik yang menempatkan anggota keluarga seramai 9 orang. Penyampaian bantuan asasi daripada wakil Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga diadakan pada majlis tersebut.



Majlis Pelancaran Projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah / Konsep Melayu Islam Beraja, 14 Februari 2015



Diadakan bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar dengan para jemputan terdiri daripada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta Pegawai-Pegawai kanan Kerajaan di Daerah Temburong. Majlis tersebut adalah anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Pengawai Daerah Temburong.

Projek penyelidikan tersebut diadakan dengan tujuan untuk mengesani dan menyimpulkan 'parasarah' penghayatan Melayu Islam Beraja dalam meberigakan, memantau dan mencorak kehidupan masyarakat di Negara ini. Taklimat tentang projek penyelidikan telah disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Setiausaha / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Penyerahan Buku-Buku Pusat Pengurusan bencana Kebangsaan



Your text here. Penyerahan Buku-Buku Panduan NDMC oleh Yang Mulia Awang Mahli bin Haji Bolhaji, Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat kepada Jabatan Daerah Temburong untuk diagih-agih kepada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung serta Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Temburong telah diadakan pada 17 Januari 2015.

Buku-buku tersebut adalah sebagai bahan rujukan dan panduan dalam mendangani masalah bencana seperti banjir, tanah susur dan sebagainya. Buku panduan tersebut disediakan dalam bentuk bahasa Melayu dan Inggeris.

Sambutan Hari Kebangsaan Ke 31 Negara Brunei Darussalam



Tarikh 23 Februari 2015 adalah hari sambutan Hari Kebangsaan kali ke 31 Negara Brunei Darussalam dengan tema sambutan 'Generasi Berwawasan'. Seperti lazimnya penduduk Daerah Temburong tidak ketinggalan dalam merayakannya dengan menyertai perbarisan lalu bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Peserta Daerah Temburong seramai 100 orang yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Temburong termasuk Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.



Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD yang ke-31 tahun 2015 bagi Daerah Temburong

Hari Ahad, 8 Februari 2015 bertempat di kawasan lapang Dermaga, Pekan Bangar telah berlangsung upacara menaikkan bendera besar Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-31 tahun bagi Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Pegawai Daerah Temburong. Turut hadir ialah Yang Mulia OCPD Awang Azree bin Haji Talib, Pemerintah Daerah Polis Cawangan Daerah Temburong selaku Pengerusi Bersama, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Awang Ajmin bin Haji Meludin, Penolong Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Ketua-Ketua Cawangan, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung, Persatuan-Persatuan Beruniform dan Persatuan-Persatuan Bukan Kerajaan, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Syarikat-Syarikat Swasta dan penduduk-penduduk Daerah Temburong.

Aturcara majlis telah dimulai dengan bacaan surah Al-Fatihah yang telah diketuai oleh Yang Mulia Pegawai Hal Ehwal Masjid Cawangan Daerah Temburong. Setelah itu diikuti dengan pasukan membawa bendera Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang diketuai oleh Yang Mulia Penolong Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Bersama untuk diserahkan kepada Yang Mulia Pegawai Pegawai Daerah Temburong dan seterusnya diserahkan kepada pasukan Polis Diraja Brunei.

Upacara menaikkan bendera besar Negara Brunei Darussalam diiringi dengan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh pasukan koir Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dan disusuli lagu 'Bendera Negara'. Setelah itu Pengerusi Majlis menjemput tetamu kehormat menyempurnakan penyerahan bendera-bendera Negara Brunei Darussalam kepada Penghulu-Penghulu Mukim Daerah Temburong. Majlis berakhir dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Pegawai Hal Ehwal Masjid Cawangan Daerah Temburong.

Mulai tarikh 8 Februari 2015 bermulalah berkibarnya Bendera Negara Brunei Darussalam. Bagi Pengiran-Pengiran dan Orang Yang Bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing-masing, manakala orang ramai hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam di rumah masing-masing termasuk bangunan-bangunan kerajaan dan permis-permis perniagaan hingga 26 Februari 2015.

Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam tahun 2015 ialah pada 26 Februari 2015.



Maulud Nabi S.A.W 2015



Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW bagi tahun Hijrah 1436 telah disambut serentak diseluruh Negara pada 3 Januari 2015. Di Daerah Temburong sambutan telah diadakan bertempat di Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar. Yang Mulia Awang Mutalib bin Pehin Orang Kaya Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof, Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan telah hadir selaku tetamu kehormat.

Pada tahun ini sambutan telah disertai perarakan daripada Jabatan Daerah Temburong, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pertubuhan-Pertubuhan Beruniform dan Syarikat-Syarikat Swasta.

Sementara itu acara bagi perhimpunan wanita telah diadakan bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar dengan acara dimuatkkan dengan ceramah khas Maulud Nabi yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Pegawai daripada Pusat Dakwah Islamiah. Tetamu kehormat pada hari tersebut ialah Yang Mulia Dayang Noorasyikin binti Pehin Orang Kaya Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir, Isteri Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan.

Ceramah Ugama Maulud Nabi Muhammad SAW tahun 1436 bagi Jabatan Daerah Temburong, 10 Januari 2015



Ceramah ugama sempena sambutan tersebut bagi warga Jabatan Daerah Temburong telah diadakan bertempat di Dewan Mufakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar. Hadir ke majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Ajmin bin Haji Meludin, Penolong Pegawai Daerah Temburong. Turut hadir untuk mendengarkan ceramah berkenaan adalah dikalangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Temburong termasuk Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung. Ceramah ugama bertajuk 'Keikhlasan Dalam Pekerjaan Mengikut Sunnah Nabi Muhammad' telah disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Amin bin Matyassin, penceramah undangan daripada Pusat Dakwah Islamiah.

Pesta Senukoh 2015



Tahniah diucapkan kepada Majlis Perundingan Kampung Senukoh, Mukim Labu, Daerah Temburong atas kejayaan mengadakan Pesta Senukoh 2015 pada 25 Januari 2015 bertempat di kawasan lapang Balai Raya Orang Kaya Sura haji Tuba bin Taliff, Kampung Senukoh.

Pesta Senukoh 2015 adalah salah satu daripada rancangan kerja tahunan Majlis Perundingan Kampung Senukoh dimana pelaksanaannya telah dirancang dengan teliti sejak awal tahun lagi oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Senukoh. Untuk itu semua yang terlibat telah memberikan sumbangan yang sangat membanggakan dari segi kewangan, tenaga dan buah fikiran bagi kejayaan acara ini dengan tujuan memperlihatkan cara hidup penduduk setempat yang masih kukuh dengan semangat kerjasama dan gotong royong yang teguh serta ikatan silaturahim yang erat dikalangan ahli jawatankuasa dan penduduk setempat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia OCS Pengiran Anak Azanuddin Amanshah bin Pengiran Anak Ismail Al Haj, Pegawai Penguasa Balai, Polis Cawangan Daerah Temburong. Aturcara majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Maidin, Ketua Kampung Senukoh yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Pelbagai acara menarik telah disusun dan dijalankan secara serentak di beberapa kawasan yang telah ditetapkan disepanjang acara tersebut diadakan seperti Futsal, Tarik Kalat, Pesta Memancing dan Explorasi. Pertandingan Memasak Makanan Tradisi telah mendapat sambutan yang sangat mengalakkan daripada penduduk Kampung Senukoh dan sekitarnya terutama kaum wanita. Persembahan Mukun dan Kebudayaan juga turut diadakan di kawasan Pelancongan Budaya Kampung Senukoh untuk menambah lagi suasana kemeriahan Pesta Senukoh 2015.

Produk-Produk Perekonomian Majlis Perundingan Kampung

MUKIM BATU APOI

1. MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG BATU APOI



Perusahaan Makanan – Pemprosesan Ambulong



No Talian perhubungan :
+673-8823521 / 8814060



Biskut Ambulong

MUKIM LABU

2. MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG PIAIAU-PIIAU



No Talian perhubungan:
:+673-8950975 / 5240039

Perusahaan Makanan – Keladi